



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MALAYSIA LANCAR MyNAPHS 2025–2030 PERKUKUH SEKURITI KESIHATAN NASIONAL

Putrajaya, 11 NOVEMBER 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melancarkan Pelan Tindakan Sekuriti Kesihatan Kebangsaan (MyNAPHS) 2025–2030 yang bertujuan **memperkukuh kesiapsiagaan, ketahanan dan respons negara** terhadap **ancaman kesihatan awam**. Pelancaran ini disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr Dzulkefly Ahmad, di Hotel Zenith Putrajaya. MyNAPHS merupakan **dokumen strategik nasional** yang **memandu hala tuju** Malaysia dalam **menghadapi risiko kesihatan serantau dan global**, berdasarkan pengajaran daripada pandemik COVID-19.

Dalam ucapannya, YB Menteri menegaskan bahawa pelan ini membuktikan komitmen kukuh Malaysia untuk memastikan negara **sentiasa bersedia menghadapi ancaman baharu** seperti penyakit berjangkit, zoonotik, rintangan antimikrob (AMR), ancaman kimia dan radiologi, perubahan iklim serta kemajuan bioteknologi moden. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)** dan semua **agensi kerajaan, swasta** serta **badan bukan kerajaan (NGO)** yang bekerjasama dalam penyediaan pelan ini.

MyNAPHS dibangunkan berasaskan ***Joint External Evaluation (2019)***, ***State Party Annual Report (2023)*** dan ***Malaysia Risk Profile (2023)*** serta selaras dengan **komitmen negara** kepada ***International Health Regulations (IHR 2005)***. Pelan ini **digerakkan melalui lapan (8) misi utama**, merangkumi **pemeriksaan survelan penyakit secara real-time**, pengukuhan rangkaian makmal dan biosekuriti, peningkatan kapasiti tindak balas kecemasan, kawalan AMR, komunikasi risiko yang lebih efektif dan pemeriksaan tenaga kerja kesihatan awam.

Antara tindakan strategik utama di bawah MyNAPHS termasuklah:

- a. pembangunan sistem surveilans integrasi melalui eNCDC;
- b. pengukuhan pelesenan dan kawal selia makmal kesihatan;
- c. peningkatan latihan epidemiologi melalui *Field Epidemiology Training Programme* (FETP); serta
- d. pengukuhan pelan biosekuriti dan biosafety negara.

Pendekatan ini dilaksanakan berasaskan kerangka *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Society* bagi memastikan **kerjasama menyeluruh merentasi sektor kesihatan manusia, veterinar, alam sekitar, keselamatan, sains dan teknologi**.

Menurut YB Menteri lagi, kejayaan MyNAPHS memerlukan penyertaan aktif semua kementerian dan agensi seperti **NADMA, DVS, DOE, MOSTI, MOF, MKN** serta **kerjasama rakan antarabangsa** termasuk **WHO, ASEAN** dan **OIE**. Beliau menegaskan bahawa **kesihatan awam** adalah **tanggungjawab kolektif** dan MyNAPHS bukan sekadar pelan teknikal, tetapi **simbol solidariti nasional** demi melindungi kedaulatan dan keselamatan rakyat.

KKM yakin Pelan Tindakan Sekuriti Kesihatan Kebangsaan (MyNAPHS) 2025–2030, berupaya menjadi pemangkin kepada sistem kesihatan Malaysia yang lebih tangkas, responsif dan berdaya tahan, selaras dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

-TAMAT-

Kementerian Kesihatan Malaysia

